UNIVERSITI MALAYA

SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN

Rekabentuk Cip Pemampatan Data

Nama : Shah Rizal Bin Ismail

No. Matrik : WEK 98345

Penyelia : Encik Zaidi Razak

Moderator : Puan Sameem Abdul Karem

WXES3182
PROJEK ILMIAH TAHAP AKHIR

FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA

Abstrak

Dokumen ini telah disiapkan untuk membuat cadangan projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk Rekabentuk Perkakasan Cip Pemampatan Data. Bahagian pertama adalah berkenaan pengenalan yang memberi gambaran tentang tujuan, objektif dan kepentingan projek juga keperluan perkakasan dan perisian dalam proses pembangunan. Bahagian kedua pula, tumpuan diberikan kepada pemampatan data iaitu jenis teknik, algoritma Huffman dan contoh penggunaan Huffman. Dalam bahagian ketiga, pengenalan terhadap perisian yang akan digunakan iaitu perisian VHDL.

Bahagian keempat dokumen menyentuh tentang pendekatan pembangunan modul rekabentuk dan rekabentuk akhir perkakasan yang akan dibangunkan. Juga turut dimasukkan ialah gambarajah status bertujuan untuk memudahkan pemahaman. Dalam bahagian lima pula, implementasi projek akan diterangkan dengan perubahan modul yang telah dibuat.

Segala perbincangan dan masalah yang telah berlaku semasa pembangunan projek akan dibincangkan dalam bahagian enam, manakala kesimpulan projek akan dinyatakan dalam bahagian tujuh.

Penghargaan

Assalammualaikum dan salam sejahtera.

Pertama sekali saya bersyukur ke hadirat Allah Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan laporan Ilmiah Tahun Akhir ini.

Sekalung tahniah buat diri sendiri kerana akhirnya berjaya menyiapkan laporan pada masanya.

Jutaan terima kasih buat penyelia saya, Encik Zaidi Razak kerana telah memberikan saya peluang, panduan dan bimbingan sepanjang proses menyiapkan laporan. Tidak dilupakan moderator saya, Puan Sameem Abdul Karem.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga tercinta kerana telah memberikan kata-kata semangat dan sokongan moral buat saya.

Ribuan terima kasih kepada Encik Yamani, tutor saya sepanjang proses pembangunan kod. Beliau banyak mengajar dan tidak jemu untuk membantu sekiranya diperlukan. Semoga beliau sukses dalam kerjayanya.

Buat rakan-rakan seperjuangan seperti Najmee, Hemley, Bobot, Lalok, J.r, Shah (GTi), Fadhil dan yang lain; terima kasih atas sokongan dan 'kutukan' yang kalian berikan.

Terima kasih semua.

Kandungan

Bab 2 : Kajian Pemampatan Data

Bab 3 :VHDL

Senarai rajah

Senarai jadual

Bab 1

Bab 1 : Pengenalan Projek

1.1 Pengenalan

Proses pemampatan data merupakan suatu proses yang sememangnya diperlukan dalam dunia komputer. Namun, kebanyakan proses pemampatan adalah melalui proses perisian atau program tertentu dan data yang dimampat adalah dari jenis analog ke digital.

Dalam Projek Ilmiah 1 ini, saya ingin menampilkan rekabentuk cip yang seterusnya akan dijadikan satu perkakasan. Perkakasan yang akan dihasilkan ialah cip pemampatan data. Cip pemampatan data adalah merupakan suatu perkakasan yang akan memudahkan proses pemampatan. Proses pemampatan akan terus melalui cip ini dan tidak lagi memerlukan proses pemampatan dari perisian. Namun, cip yang akan dihasilkan cuma akan memampatkan data dalam bentuk jujukan binari '0' dan '1'.

Kenapa kita memerlukan perkakasan yang sedemikian? Satu jawapan yang mudah ialah kita perlukan satu kemudahan dalam proses pemampatan data. Jika sebelum ini proses pemampatan perlu melalui proses perisian, dengan terhasilnya cip ini, perkara sedemikian tidak perlu lagi. Cip ini boleh diimplementasi dalam sistem elektronik seperti telefon bimbit yang menggunakan aplikasi WAP atau mana-mana sistem yang memerlukan proses pemampatan data.

Cip ini akan direkabentuk dengan menggunakan perisian VHDL, iaitu suatu perisian yang khas untuk merekabentuk suatu perkakasan manakala teknik pemampatan yang akan digunakan ialah teknik pemampatan Huffman.

1.2 Objektif Projek

Terdapat dua objektif utama dalam menghasilkan projek ini:

1.2.1 Menghasilkan cip pemampatan data sebagai suatu perkakasan.

Tujuan projek ini dilakukan adalah untuk saya merekabentuk suatu cip. Ini merangkumi kajian dari segi rekabentuk, keperluan perisian, penyelidikan dan bagaimana proses akhir untuk menghasilkan cip tersebut.

Cip yang akan dihasilkan akan menjadi salah satu komponen atau perkakasan dalam suatu sistem komputer.

1.2.2 Memberikan kemudahan dalam proses pemampatan data.

Pemampatan data sekarang kebanyakannya menggunakan proses dari perisian. Jadi projek ini bertujuan untuk memberikan alternatif lain iaitu dengan menggunakan cip sebagai medium untuk pemampatan data. Segala data yang hendak dihantar akan dimampat dalam cip ini dan akan dihantar ke destinasi. Dengan cara ini, proses pemampatan akan menjadi lebih mudah kerana tidak perlu proses dari perisian.

1.3 Skop Projek

Untuk menghasilkan suatu projek, kita memerlukan suatu julat tertentu untuk memudahkan kita melakukan penyelidikan mengenai projek yang ingin kita lakukan. Penyelidikan mengenai cip pemampatan data adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

1.3.1 Rekabentuk perkakasan yang akan dihasilkan.

Perkara ini merangkumi jenis rekabentuk yang paling optima, jenis perkakasan yang diperlukan, keperluan perisian yang sesuai dan kemudahan untuk mengimplementasikan projek.

1.3.2 Penentuan jenis data yang akan dimampat.

Pembangunan projek hanya dalam skop selepas data diterima dalam bentuk digital. Ia tidak melibatkan penukaran data dari analog ke digital atau digital ke analog. Jujukan data yang ingin dimampat akan dianggap dalam bentuk digital iaitu perwakilan binari "0" atau "1".

1.3.3 1 dimensi data.

Data-data dalam komputer boleh terdiri dari 1, 2 atau 3 dimensi. Untuk projek ini, kajian pemampatan akan dilakukan terhadap data 1 dimensi. Data 1 dimensi adalah data yang mempunyai 1 permukaan sahaja. Data jenis ini kebanyakannya digunakan dalam penulisan teks dalam komputer.

1.4 Kepentingan Projek

- Memenuhi keperluan bagi penghasilan komputer bersaiz lebih kecil.

Teknologi yang berkembang memberi penumpuan terhadap penghasilan komputer bersaiz kecil. Perkakasan yang akan dihasilkan akan dapat memenuhi keperluan tersebut memandangkan saiz perkakasan adalah kecil.

- Menyokong pemampatan data yang mudah.

  Dengan adanya perkakasan ini, proses pemampatan manjadi semakin mudah dan lebih pantas.

- Menambah kebolehpercayaan peranti.

  Fungsi peranti akan semakin bertambah dengan penghasilan perkakasan ini. Ini bermakna peranan yang dimainkan oleh perkakasan akan semakin bertambah dan seterusnya menambah kebolehpercayaan peranti.

1.5 Perkakasan dan perisian

Projek ini akan dibangunkan dengan menggunakan komputer peribadi di mana sistem pengendalian yang digunakan ialah Windows 98. Kapasiti penyimpanan pula adalah dalam lingkungan 4.0 sehingga 20.4 GB.

Perisian utama yang akan digunakan ialah Xilinx di mana ia menggunakan bahasa pengaturcaraan **V**ery high speed integrated circuit **H**ardware **D**escription **L**anguage (VHDL). Xilinx ini akan digunakan dalam fasa pengkodan dan pengujian.

Selain itu terdapat beberapa perisian lain yang turut digunakan dalam pembangunan projek ini. Senarai perisian dan aplikasinya adalah seperti berikut:

- Microsoft Word 2000 dan Word XP

  Mendokumentasi projek.

- Microsoft Excel

  Membina jadual carta Granttt

- Microsoft Power Point

  Pembentangan kertas projek

- Turbo C++ dan Matlab

  Program sokongan

1.6 Penjadualan projek

Penjadualan adalah perlu dalam memastikan projek dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Untuk memastikan perkara ini, satu jadual ringkas yang menyatakan tempoh masa dan aktiviti-aktiviti sepanjang proses pembangunan dibuat.Berikut merupakan jadual bagi projek ini :

TARIKH / AKTIVITI	JUN 2001				JULAI 2001				OGOS 2001				SEPT 2001			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
Pemilihan Tajuk																
Kajian Literasi																
Perancangan																
Analisa Sistem																
Rekabentuk																
Ulasan																
Dokumentasi																

Jadual 1.1: Penjadualan Tugasan

Bab 2

Bab 2 : Kajian Pemampatan Data

2.1 Pengenalan

Pemampatan data merujuk kepada proses pertukaran "jasad" data kepada bentuk yang lebih kecil, yang mana ia boleh dijanakan ke saiz yang asal semula. Pemampatan data adalah perlu untuk tujuan penjimatan ruang simpanan dan kecepatan penghantaran data melalui rangkaian komputer.

Perkara penting dalam pemampatan data ialah "ratio pemampatan"; iaitu saiz ratio fail yang telah dimampatkan kepada yang belum dimampatkan. Contohnya, katakan fail 100kb dimampatkan kepada 50kb. Kita boleh katakan pemampatan saiz adalah pada faktor dua, iaitu ratio pemampatan 2:1. Terdapat 2 teknik atau bentuk pemampatan data :

- 'lossless'.
- 'lossy'.

2.1.1 'Lossless'

Pemampatan data secara 'lossless' digunakan apabila data perlu dinyahmampat seperti keadaan sebelum pemampatan berlaku. Fail teks disimpan dengan menggunakan teknik 'lossless', memandangkan kehilangan satu karektor

akan mencacatkan teks yang hendak disampaikan. Secara umumnya juga data-data lain seperti imej, grafik, audio dan video juga menggunakan teknik ini.

Namun, teknik ini mempunyai limit ratio pemampatan iaitu antara 2:1 hingga 8:1. Antara algoritma yang popular dalam teknik ini ialah Huffman, Adptive Huffman dan LZW (Lempel-Ziv-Welch).

2.1.2 'Lossy'

Pemampatan cara ini berfungsi dengan tanggapan bahawa data tidak perlu disimpan dengan sempurna. Kebanyakan maklumat secara mudah boleh dibuang daripada imej, video dan audio; dan apabila dinyahmampat data masih mempunyai kualiti. Ratio pemampatan dengan cara ini lebih besar daripada 'lossless'.

2.1.3 Kegunaan Pemampatan Data

Kemajuan teknologi pekomputeran telah menyebabkan penggunaan data semakin besar dan satu isu yang timbul ialah penyimpanan data yang bersaiz besar. Untuk itu, proses pemampatan adalah diperlukan memandangkan kaedah pemampatan boleh menjimatkan penggunaan ruang simpanan.

Selain itu, proses pemampatan juga akan memudahkan proses penghantaran melalui rangkaian. Ini kerana pemampatan akan mengecilkan saiz fail atau data dan seterusnya akan memudahkan data atau fail dihantar menerusi rangkaian. Kajian

mendapati data yang telah dimampat adalah lebih laju penghantarannya berbanding data yang tidak dimampat.

Kesimpulannya, proses pemampatan adalah suatu proses yang penting dalam suasana persekitaran pekomputeran masa kini.

2.1.4 Kajian pemampatan data

Dalam bab ini, kajian terhadap algoritma-algoritma terpilih akan dilakukan. Dua jenis algoritma pemampatan yang dipilih ialah algoritma Huffman dan juga algoritma LZW iaitu "Lemple-Ziv-Welch algorithm".

Dalam bab ini juga akan disenaraikan kelebihan dan kekurangan algoritma pemampatan masing-masing.

2.2 Pengkodan Huffman

2.2.1 Sejarah ringkas

Algoritma Huffman kebiasaannya digunakan dalam program pemampatan komersial, mesin fax dan sebagai sebahagian daripada algoritma pemampatan JPEG. Ia dinamakan sempena nama D.A Huffman, seorang yang membentangkan kertas kerja pada tahun 1952 bertajuk "A Method for the construction of Minimum Redundancy Codes" yang menerangkan algoritma beliau.

2.2.2 Pengenalan

Huffman kod merupakan salah satu teknik pemampatan secara 'lossless', yang mana karektor dalam fail data akan ditukar kepada kod binari. Ia merupakan kod yang menjadi asas atau ilham kepada kod pemampatan yang lain.

Konsep Huffman adalah penambahan dua frekuensi yang rendah jumlahnya. Kemudian, ia akan terus menambah dengan jumlah tambahan merupakan nilai seminimum yang mungkin. Selepas menambah kesemua huruf, pengkodan binari akan dilakukan. Huruf yang paling kerap akan mempunyai nilai binari yang rendah. Untuk melihat bagaimana kod Huffman berfungsi, kita lihat contoh yang diberikan.

2.2.3 Algoritma pemampatan

Katakan suatu fail teks yang hendak dimampatkan mengandungi karektor-karektor dan bilangannya seperti berikut:

A-29, B-64, C-32, D-12, E-9.

Langkah yang pertama ialah menyusun huruf yang paling tinggi frekuensinya (bilangannya) di bahagian atas hingga ke frekuensi yang terendah di bahagian bawah.



Rajah 2.1 : Penyusunan huruf mengikut frekuensi

Kemudian, dua frekuensi yang terendah akan ditambah bilangannya.



Rajah 2.2 : Penambahan frekuensi yang benilai paling rendah

Selepas itu, tambahkan dua frekuensi yang mempunyai jumlah yang minima sehingga lengkap.



Rajah 2.3 : Penambahan frekuensi berterusan

Akhir sekali, pepohon Huffman yang lengkap dihasilkan.



Rajah 2.4 : Penambahan yang lengkap

Berikut pula adalah jadual keputusan atau output dalam bentuk binari bagi setiap huruf.

Huruf	Perwakilan binari
B	0
C	10
A	110
D	1110
E	1111

Jadual 2.1 : Perwakilan pemampatan data

Jadi, output yang akan dihantar keluar ialah 01011011101111 (iaitu jujukan dari yang paling kerap kepada yang paling kurang kekerapannya).

2.3 Pengkodan LZW (Lempel-Ziv-Welch)

2.3.1 Sejarah ringkas

LZW adalah merupakan salah satu metod untuk pemampatan data dari teknik "lossless". Ia direka oleh Abraham Lempel dan Jacob Ziv (Lempel-Ziv Method). Kemudian, algoritma LZ ini dimajukan oleh mereka berdua untuk menghasilkan LZ 77 dan LZ 78. Terry Welch kemudian mengubahsuai algoritma mereka dan menghasilkan algortima baru yang dinamakan LZW (Lempel-Ziv-Welch).

2.3.2 Konsep

Pemampatan bagi metod ini memerlukan komponen-komponen berikut:

- Kamus (dictionary)
- Penimbal (buffer)
- Algoritma

Kamus (dictionary)

Untuk proses mampat dan nyahmampat, LZW menggunakan kamus yang mempunyai 2 barisan. Baris pertama mewakili kod, manakala baris kedua mewakili 'string' yang berkenaan.

Sebelum pemampatan data, kamus akan di'initialize'kan dengan set karektor dalam teks. Jika teks mengandungi 3 simbol; A, B, dan C, kamus akan mempunyai 3 baris. Ia akan menjadi banyak apabila teks semakin banyak dimampatkan. Berikut adalah rajah bagi kamus.

1	2	3	
A	B	C	

Rajah 2.5 : Kamus untuk tiga simbol

Penimbal (buffer)

LZW menggunakan penimbal. Simbol-simbol memasuki penimbal satu demi satu. 'String' dipindahkan ke kamus dan kod yang berkenaan dikeluarkan berdasarkan algoritma. Rajah berikut merupakan penimbal.



Rajah 2.6 : Penimbal dalam LZW

2.3.3 Algoritma pemampatan



Rajah 2.7 : Rajah menunjukkan proses pemampatan LZW

Kita akan melihat bagaimana algoritma LZW berfungsi. Katakan contoh teks yang ingin dimampat mempunyai huruf-huruf seperti berikut:

BABACABABA

- Kamus akan di'initialize' kepada 3 simbol iaitu A, B dan C. Pada masa ini, penimbal adalah kosong.
- Simbol pertama, (B) memasuki penimbal. Simbol ini telah berada dalam kamus, jadi proses algoritma diteruskan.
- Simbol kedua, (A) memasuki penimbal. 'String' BA tidak dijumpai dalam kamus, jadi (B) dikodkan sebagai 2 dan dihantar. 'String' BA ditambah dalam kamus dan penimbal mengeluarkan B (tinggal A).
- Simbol ketiga, (B) memasuki penimbal. 'String' AB tiada dalam kamus, jadi A dikodkan sebagai 1 dan dihantar. 'String' AB ditambah dalam kamus dan penimbal mengeluarkan A (tinggal B).
- Simbol keempat, (A) memasuki penimbal. 'String' BA sudah ada dalam kamus, jadi algoritma diteruskan.
- Simbol kelima, (C) memasuki penimbal. 'String' BAC tiada dalam kamus, jadi BA dikodkan sebagai 4 dan dihantar. 'String' BAC ditambah dalam kamus dan penimbal mengeluarkan BA dan membiarkan C.

- Simbol keenam, (A) memasuki penimbal. 'String' CA tiada dalam kamus, jadi C dikodkan sebagai 3 dan dihantar. 'String' CA ditambah dalam kamus. Penimbal menyingkirkan C dan membiarkan A.
- Simbol ketujuh, (B) memasuki penimbal dan didapati 'string' AB wujud. Algortima diteruskan.
- Simbol kelapan, (A) masuk dan didapati 'string' ABA tiada dalam kamus. Jadi, Ab dikodkan sebagai 5 dan dihantar. 'String' ABA ditambah dalam kamus dan penimbal mengeluarkan AB dan tinggalkan A.
- Simbol kesembilan, (B) memasuki penimbal. 'String' AB wujud dalam kamus, jadi algortima diteruskan.
- Simbol kesepuluh, (A) memasuki penimbal. 'String' ABA didapati wujud dalam kamus dan algoritma ditamatkan kerana tiada lagi simbol yang tinggal. ABA dikodkan sebagai 8.
- Output yang dihasilkan ialah 214358.

Berikut merupakan rajah yang merujuk kepada contoh yang telah diberikan.



Rajah 2.8 : Proses pemampatan LZW langkah 1-5



Rajah 2.9 :Proses pemampatan LZW langkah 6-8

1	2	3	4	5	6	7	8
A	B	C	BA	AB	BAC	CA	ABA



Kod yang dijanakan ialah 214358

Rajah 2.10 : Proses pemampatan LZW langkah 9-11

2.4 Perbandingan antara Huffman dan LZW

2.4.1 Persamaan

Kedua-dua kod menggunakan kekerapan bilangan karektor. Ini bermaksud, nilai kekerapan karektor menjadi nadi utama kedua-dua algoritma ini.

2.4.2 Perbezaan

- Huffman menggunakan pendekatan analog ke digital, manakala LZW menggunakan pendekatan lain.
- Dalam Huffman, kekerapan tinggi diwakili oleh bit yang kurang. LZW pula tidak menampakkan perwakilan kekerapan data.
- Kod keluaran bagi Huffman adalah dalam bentuk '0' dan '1' manakala LZW dalam bentuk nombor.
- Huffman tidak menggunakan penimbal dan kamus.

2.5 Pemilihan algortima

Pemilihan algoritma dilakukan setelah meneliti beberapa perkara berikut:

- Pendekatan yang sesuai.
- Kepantasan proses.
- Boleh diimplementasikan ke dalam projek.

Setelah penelitian dibuat, algoritma Huffman dipilih untuk dilaksanakan dalam projek ini.

2.6 Kebaikan menggunakan kod Huffman

Terdapat beberapa sebab kenapa saya menggunakan kod Huffman:

2.6.1 Merupakan kod pemampatan yang mudah difahami dengan konsep yang ringkas.

Huffman menyediakan algoritma yang senang difahami. Konsep yang diperkenalkan adalah suatu konsep yang amat ringkas dan perlaksanaan algoritma adalah mudah.

2.6.2 Senang untuk diimplementasikan ke dalam aturcara.

Oleh kerana ia merupakan algoritma yang mudah, maka Huffman telah digunakan dalam banyak aturcara seperti C, C++, Visual Basic dan Visual C++. Dalam projek ini, saya akan cuba untuk mengimplementasikan Huffman dalam VHDL.

2.6.3 Sesuai untuk data jenis statik.

Data statik adalah merupakan data yang tidak bergerak atau beranimasi. Antara contoh data statik ialah teks, imej dan grafik. Untuk memampatkan data jenis ini, algortima Huffman adalah antara algoritma yang sesuai.

2.6.4 Perlaksanaan yang pantas.

Oleh kerana algoritma Huffman merupakan kaedah yang mudah, maka algoritmanya adalah mudah dan ringkas. Algoritma yang ringkas akan memberikan kepantasan dalam perlaksanaannya.

Bab 3

Bab 3 : VHDL Secara Ringkas

3.1 Pengenalan

VHDL adalah singkatan daripada ayat "Very high speed integrated circuit Hardware Description Language". Ia merupakan suatu bahasa pengaturcaraan yang boleh digunakan untuk cadangan simulasi , permodelan, percubaan, sintesis, rekabentuk dan mendokumentasikan sistem digital. VHDL memberikan format yang sesuai untuk gambaran hierarki suatu fungsi dan pendawaian sistem digital.

3.2 Unit rekabentuk VHDL

Terdapat 3 komponen asas:

- Entiti.
- Senibina.
- Konfigurasi.

2 komponen lagi yang boleh didapati dari program VHDL yang kompleks ialah :

- Pakej.
- Badan pakej.

3.2.1 Entiti

Entiti merupakan unit rekabentuk asas dan membina pengisytiharan 'port' yang bersambung (interface) kepada sistem. Ia boleh mewakili keseluruhan sistem, papan (board), cip, sel (cell) atau get.

Format entiti adalah :

```
ENTITI entity_name is
    PORT (port list);
END entity_name;
```

PORT- menyediakan saluran untuk komunikasi antara entiti dengan persekitarannya. Setiap 'port' mesti mempunyai nama , mod dan jenis.

Format PORT adalah :

```
PORT (port names : mode type_indication [bus])
```

Pengisytiharan 'BUS' dibuat jika 'PORT' disambung lebih dari satu keluaran dari modul atau sistem lain.

Gambarajah berikut menunjukkan diagram 16 bit LATCH.



Rajah 3.1: Diagram blok LATCH

Contoh pengisytiharan LATCH adalah seperti berikut:

```
Entity LATCH is
        PORT (A : in bit_vector (15 downto 0);
              B : in bit;
              C : out bit_vector (15 downto 0)
              );
End LATCH;
```

Berikut adalah jenis mod yang boleh diisytihar dalam pernyataan 'PORT':

- IN masukkan ke modul.
- OUT keluaran dari modul.
- INOUT isyarat dua arah (bi-directional signal).

- BUFFER pendaftar yang dilampirkan (attached) pada keluaran.

3.2.2 Senibina

Merupakan unit rekabentuk kedua (secondary) dan juga struktur sebenar rekabentuk cip. Ia menerangkan perlakuan (behaviour) fungsi rekabentuk. Satu entiti rekabentuk boleh mempunyai banyak senibina. Setiap satunya mewakili perlakuan rekabentuk yang berbeza.

Format :

```
Architecture architecture_name of entity_name is
        --kenyataan pengisytiharan
begin
        --kenyataan kerjasama (concurrent statement)
end architecture_name;
```

Berikut adalah contoh pengisytiharan senibina LATCH:

```
architecture BEHAV_LATCH of LATCH is
begin
if B='1' then
        C <= A;
```

```
end if;
end BEHAV_LATCH;
```

Nama 'port' entiti dalam senibina memberikan sambungan (linkage) antara pengisytiharan entiti dan senibina.

3.2.3 Konfigurasi

Dalam unit ini kita boleh gabungkan entiti dan senibina untuk membentuk satu unit rekabentuk.

Format :

```
CONFIGURATION configuration_name of entity_nameis
    for architecture_name
    end for;
END configuration_name;
```

Berikut adalah contoh konfigurasi LATCH :

```
Configuration CONFIG_LATCH of LATCH is
    for BEHAV_LATCH
    end for;
```

```
END CONFIG_LATCH;
```

3.2.4 Pakej dan Badan Pakej

Pakej adalah merupakan suatu unit perpustakaan yang terdiri daripada pengisytiharan yang boleh digunakan dalam unit rekabentuk yang lain. Unit pakej terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :

- Pengisytiharan.
- Badan.

Pengisytiharan suatu pakej mungkin terdiri daripada nilai tetap, jenis, fungsi dan pengisytiharan fungsi dan prosedur. Format ini adalah sama seperti pengisytiharan suatu entity. Kelakuan fungsi dan subaturcara sebenar pula dimasukkan ke dalam badan pakej.

Format untuk pengisytiharan pakej dan badan pakej adalah:

```
package nama_pakej is
        .....pengisytiharan
end nama_pakej ;
```

```
package body nama_pakej is
        ...fungsi atau subaturcara sebenar
end nama_pakej;
```

Berikut adalah contoh pakej dan badan pakej:

```
package LATCH is
begin
        subtype bit_16 is bit_vector (15 downto 0);
        type bit_16_array is array (integer range <>) of bit_16;
        function resolve_bit_16 (driver : in bit_16_array) return bit_16;
        subtype bus_bit_16 is resolve_bit_16 bit_16;
end LATCH;
package body LATCH is
        function resolve_16_bit (driver : in bit_16_array) return bit_16 is
        variable result : bit_16;
        begin
                result :=X "0000";
                for i in driver'range loop
                        result:=result or driver (i);
```

```
        end loop;
        return result;
        end resolve_bit_16;
end LATCH;
```

3.3 Simulasi VHDL

'Test bench' perlu dibuat sebelum proses simulasi dilakukan. Setiap modul yang dihasilkan mesti mempunyai satu 'test bench' untuk menguji operasinya.

Format :

```
ENTITY test_bench_name IS
END test_bench_name;
    ARCHITECTURE architecture_name of test_bench_name IS
     COMPONENT entity_name
     END COMPONENT;
     --signal declaration
     BEGIN
     --concurrent statement
     END architecture_name;
```

3.4 Penerangan kelakuan

Penerangan kelakuan memodelkan perkakasan dengan menerangkan apa atau bagaimana sistem berkelakuan. Ia amat berguna bagi suatu sistem litar yang kecil dan ringkas. Walaubagaimanapun, penerangan kelakuan bagi litar yang lebih besar dan kompleks adalah sukar walaupun ianya tidak mustahil untuk dilakukan.

Contoh suatu penerangan kelakuan adalah seperti berikut:



Rajah 3.2 : Model Kelakuan untuk Pembandingan

3.5 Penerangan Struktur

Penerangan struktur menerangkan entiti dalam konteks struktur yang tertakrif. Kita boleh mengambil suatu entiti kecil yang ditakrifkan menggunakan penerangan kelakuan untuk menghubungkan mereka. Penerangan struktur adalah suatu tugas yang besar dan perlu dipecahkan kepada tugasan yang lebih kecil bagi memenuhi keperluan pembangunan kod atau bagi meningkatkan kepantasan perlaksanaan.

Contoh penerangan struktur adalah seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 3.3 : Rajah Model Struktur

3.6 Kebaikan menggunakan VHDL

Tidak seperti bahasa pengaturacaraan perkakasan yang lain, VHDL menyediakan beberapa kelebihan seperti:

- VHDL mempunyai ciri-ciri yang menarik yang membenarkan aspek-aspek elektrikal litar dijelaskan. Contoh aspek litar ialah lengahan masa dan operasi fungsi.
- VHDL boleh 'capture' prestasi litar dalam bentuk 'test bench'. 'Test bench' adalah deskripsi VHDL terhadap stimulus litar dan output yang berkenaan.
- Merupakan suatu bahasa pengaturcaraan yang "berkomunikasi" pada peringkat rendah (low level) yang berguna, antara 'tool' yang berlainan dalam persekitaran rekabentuk berasaskan komputer. Struktur bahasanya membenarkan ia boleh digunakan dengan efektif.
- VHDL menerangkan kelakuan litar yang ingin direka.
- Tidak bergantung kepada teknologi perlaksanaan. Ini bermaksud peranti yang serupa dalam fungsinya boleh dilaksanakan dengan pantas menggunakan teknologi yang berlainan.
- Bahasa yang mudah dipelajari tetapi susah untuk dikuasai.

Bab 4

Bab 4 : Metodologi dan Rekabentuk

4.1 Metodologi

Metodologi adalah kaedah yang digunakan untuk membangunkan suatu sistem. Ia penting kerana melibatkan kos, masa dan tenaga. Pengambilan masa yang terlalu lama menyebabkab projek yang dijalankan tidak dapat disiapkan dalam masa yang diperuntukkan.

4.1.1 Model pembangunan perkakasan

Untuk membangunkan model perkakasan ini, terdapat 4 fasa pembangunan iaitu fasa analisis, rekabentuk, pembangunan kod dan pengujian. Kesemua fasa ini adalah mengikut pendekatan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) dan dihubungkan secara dua hala seperti rajah berikut :



Rajah 4.1 : Rajah model pembangunan perkakasan

4.1.2 Penerangan setiap fasa

Fasa Analisis

Dalam fasa ini, analisa dijalankan ke atas perkara-perkara yang berikut:

- Jenis pendekatan pembangunan
- Jenis kod pemampatan data yang ingin digunakan
- Rekabentuk modul
- Risiko-risiko yang mungkin berlaku

Jenis pendekatan yang pembangunan yang boleh dilakukan terbahagi kepada dua:

- Pendekatan analog
- Pendekatan digital

Selepas perbandingan kedua-dua jenis pendekatan dibuat, didapati pendekatan jenis digital akan digunakan memandangkan ia lebih pantas daripada pendekatan analog dan sesuai untuk pembangunan dan perlaksanaan perkakasan ini.

Untuk memilih kod pemampatan yang sesuai, 2 jenis kod yang berlainan telah dianalisa dengan menyenaraikan kebaikan dan kelemahan setiapnya untuk perbandingan dan ia telah diterangkan dalam Bab 2.

Fasa Rekabentuk

Dalam fasa ini, rekabentuk modul dibuat berdasarkan keperluan perkakasan dan rekabentuk yang dihasilkan adalah dianggap yang optima iaitu mudah diimplementasikan dan boleh melaksanakan apa yang dikehendaki.

Fasa Pengkodan

Peringkat ini pula, proses pengkodan akan dilakukan berdasarkan rekabentuk modul yang telah dicadangkan. Proses pengkodan akan dilakukan dalam bahasa pengaturcaraan perkakasan VHDL.

Fasa Pengujian

Fasa terakhir ini adalah fasa di mana kod-kod yang telah dibuat akan diuji sama ada terdapat ralat atau tidak. Kebiasaannya fasa ini dijalankan bersama dengan fasa pengkodan.

Setiap modul juga akan diuji sama ada ia boleh menjalankan fungsi seperti yang dinyatakan dalam rekabentuknya dan menghasilkan output yang dikehendaki.

4.2 Rekabentuk perkakasan yang dicadangkan

Setelah membuat analisis dan kajian, rekabentuk perkakasan yang akan dihasilkan adalah terdiri dari modul kawalan pusat, modul pemampatan dan modul penyahmampatan. Penerangan modul adalah seperti berikut:

4.2.1 Modul kawalan pusat



Rajah 4.2 : Modul kawalan pusat

Modul kawalan pusat adalah modul yang mengawal modul-modul lain dalam rekabentuk perkakasan. Ia menyediakan alamat bagi modul-modul lain dan mod pemampat atau penyahmampat.

Port input :

- 1 bit jam (clk) : menyediakan modul dengan jam sistem.
- data_in : data masukkan.
- reset : menyediakan sistem kembali ke asal.

Port output :

- 4 bit alamat (adr[3:0]) : memperuntukkan alamat untuk modul-modul lain.
- 1 bit isyarat e_kd : menentukan mod pemampatan untuk modul pemampatan.

- 1 bit isyarat e_nkd : menentukan mod penyahmampat untuk modul penyahmampatan.

4.2.2 Modul pemampatan



Rajah 4.3 : Modul pemampatan

Modul pemampatan adalah modul yang menjalankan proses pemampatan. Berikut adalah port input dan output:

Port input :

- adr[3:0] : mengawal jujukan pengulangan semula.
- clk : menyediakan modul dengan jam sistem.
- e_kd : mengaktifkan modul pemampatan.
- data_in : jujukan data yang ingin dimampat.

Port output:

- output1 : jujukan data yang dimampat.

4.2.3 Modul penyahmampat



Rajah 4.4 : Modul penyahmampatan

Modul penyahmampat adalah modul yang melakukan proses penyahmampat. Berikut adalah port input dan output:

Port input :

- adr[3:0] : mengawal jujukan pengulangan semula.
- clk : menyediakan modul dengan jam sistem.
- e_nkd : mengaktifkan modul penyahmampatan.
- data_in : jujukan data yang ingin dinyahmampat.

Port output :

- output2 : kod yang telah dinyahmampat.

4.2.4 Gabungan modul-modul yang dicadangkan



Rajah 4.5 : Gabungan modul-modul untuk perkakasan

Rekabentuk di atas adalah terdiri daripada modul kawalan pusat, pemampatan dan penyahmampatan.Bagi mengawal kedua-dua modul pemampat dan penyahmampat, modul kawalan diperlukan dan ia akan memastikan kedua-dua modul ini dapat disinkronisasikan.

Apabila data memasuki perkakasan, kawalan pusat akan memastikan apakah jenis operasi yang harus dilakukan. Kemudian, ia akan menghantar isyarat sama ada kod pemampat atau kod penyahmampat. Sekiranya data perlu dimampat, ia akan mengeluarkan isyarat pemampatan (e_kd) kepada modul pemampat. Sebaliknya,ia akan menghantar isyarat penyahmampat (e_nkd) kepada modul penyahmampat sekiranya data perlu dinyahmampat.

4.3 Rajah status rekabentuk perkakasan

Rajah status dicipta bagi memudahkan pemahaman terhadap operasi-operasi perkakasan semasa fasa pengkodan dan pengujian. Setiap modul diteliti operasinya daripada modul utama sehingga modul yang lain.

4.3.1 Operasi keseluruhan

Rajah 4.6 menunjukkan rajah status bagi keseluruhan operasi perkakasan.



Rajah 4.6 : Rajah status keseluruhan perkakasan

Daripada rajah di atas, operasi modul dapat dilihat dengan jelas. Apabila suatu data memasuki perkakas, modul kawalan pusat akan mengaktifkan operasi baca_input. Sekiranya data perlu dimampat, arahan e_kd dikeluarkan untuk mengaktifkan modul pemampatan. Jika data perlu dinyahmampat, kawalan pusat akan mengeluarkan arahan e_nkd untuk mengaktifkan modul penyahmampatan.

4.3.2 Pemampatan data

Rajah 4.7 menunjukkan rajah status bagi pemampatan data.



Rajah 4.7 : Rajah status pemampatan

Setelah modul kawalan pusat menghantar isyarat e_kd, modul pemampat akan bersedia untuk memampatkan data yang masuk. Arahan baca_data akan diaktifkan dan setelah itu, jujukan input akan dibaca dan dimampatkan. Kemudian, hasil mampatan akan dikeluarkan sebagai output. Baca_data akan diaktifkan semula untuk data selanjutnya.

4.3.3 Penyahmampatan data

Rajah berikut menunjukkan rajah status bagi penyahmampatan data.



Rajah 4.8 : Rajah status penyahmampatan

Setelah menerima arahan e_nkd dari modul kawalan pusat, arahan baca_data akan diaktifkan dan jujukan data yang telah dibaca akan bersedia untuk dinyahmampatkan. Setelah proses penyahmampatan selesai, output akan dihasilkan dan baca_data akan diaktifkan semula untuk data berikutnya.

4.4 Hasil yang dijangka

4.4.1 Pemampatan yang optimum untuk data digital

Perkakasan yang dihasilkan diharapkan dapat memberikan kemudahan pemampatan yang sesuai dan optimum untuk data jenis digital.

4.4.2 Kehilangan data menjejaskan proses pemampatan atau penyahmampat

Secara amnya, saya menganggap semua data digital yang dimampat atau dinyahmampat adalah berada dalam keadaan yang tidak 'terganggu'. Oleh itu, setiap gangguan (contohnya hingar) tidak dapat dikesan dan seterusnya akan memberikan hasil yang tidak memuaskan.

Bab 5

Bab 5 : Implementasi Projek

(Pembangunan dan Pengujian)

Fasa ini menunjukkan implementasi ke atas kod VHDL yang telah dibangunkan menggunakan perisian XILINX. Kod yang telah dibangunkan akan dikompil untuk mengesan sebarang ralat. Sekiranya tiada apa-apa ralat, maka fasa berikutnya adalah proses sintesis. Fasa ini adalah berkenaan pemetaan kod kepada bentuk get litar. Sekiranya terdapat ralat pada fasa ini, kod akan dibangunkan semula.

Proses simulasi, suatu pendekatan saling tak bersandar bagi setiap entiti telah dijalankan di mana setiap entiti yang wujud disimulasikan untuk mengetahui tahap ketepatan pemprosesan yang dijalankan berbanding dengan kitaran pengaturcara sendiri. Setiap keputusan simulasi akan dipaparkan.

Terdapat beberapa perubahan modul yang telah dilakukan berbanding cadangan asal. Berikut merupakan penerangan bagi semua modul yang telah dibangunkan.

5.1 Modul kawalan.vhd

Modul ini merupakan modul yang memberikan kawalan ke atas operasi pemampatan dan penyahmampatan. Di sini, pemampatan akan diwakili oleh pengkodan (e_kd) dan penyahmampatan diwakili oleh penyahkodan (e_nkd). Modul ini akan mengeluarkan isyarat sekiranya ia berada dalam keadaan sedia, e_chip = high. Dalam modul ini, reset adalah aktif pada keadaan "low".

Sekiranya isyarat yang dihasilkan oleh e_kd ini adalah '1', maka mod pengkodan akan diaktifkan manakala jika isyarat '1' dihasilkan dari e_nkd, maka mod penyahkodan pula akan diaktifkan.



Rajah 5.1 : Modul kawalan

Berikut merupakan simulasi bagi modul kawalan2.vhd :



Rajah 5.2 : Simulasi modul kawalan

Penerangan simulasi (pengujian) :

Reset adalah aktif pada keadaan "low", jadi sebarang proses tidak berlaku pada masa ini. Bila reset = high, proses untuk mengeluarkan isyarat berlaku. Pada masa ini, e_chip berada dalam keadaan sedia.

Semasa e_chip aktif, e_mod mengeluarkan isyarat '0', jadi e_nkd diaktifkan. Kemudian, e_mod mengeluarkan pula isyarat '1' untuk mengaktifkan e_kd. Ini membuktikan bahawa modul ini berfungsi dengan baik. Diperhatikan bahawa apabila reset kembali aktif, sebarang perubahan pada e_mod tidak menghasilkan apa-apa isyarat.

5.2 Modul Pemampatan Huffman

Modul vhdl huffman.vhd perihalkan algoritma untuk menukarkan data (setiap satu adalah 8-bit panjang) dari modul memori, dan mengkod data kepada jujukan 'variable-length huffman coded' yang mana ia akan disimpan ke dalam memori lain. Kod ini mengandungi empat modul seperti berikut :

- huffman.vhd
- control.vhd
- state.vhd
- huff.vhd

Keempat-empat modul ini bekerjasama untuk menghasilkan pemampatan bagi data-data 8-bit yang dimasukkan. Gambarajah simulasi bagi pemampatan akan ditunjukkan pada akhir penerangan modul ini.

5.2.1 Modul huffman.vhd

Merupakan modul 'top-level'. Mengandungi kod untuk berinteraksi (pemetaan) dengan modul 'low-level' seperti control.vhd, state.vhd dan huff.vhd. Berikut menunjukkan gambarajah untuk modul ini :



Rajah 5.3 : Modul "top-level" Huffman

5.2.2 Modul control.vhd

Berfungsi menjejaki alamat memori semasa membaca dan menulis data ke memori. Di bawah merupakan bentuk modul control ini :



Rajah 5.4 : Modul control

5.2.3 Modul state.vhd

Modul ini berfungsi untuk mengawal "state machine", di mana "state machine" ini terdiri daripada "Load state", "Shift state" dan "Write state". Berikut merupakan bentuk modul ini :



Rajah 5.5 : Modul state

5.2.4 Modul Jadual Huffman (huff.vhd)

Modul ini menyediakan satu jadual yang mempunyai masukan data 8-bit sebanyak 32 masukan. Ia terdiri dari masukan (DataIn), keluaran (DataOut) dan Length. Fungsi Length adalah untuk memberikan nilai panjang yang sesuai kepada DataOut. Sebagai contoh, sekiranya DataOut 00**011110,** maka panjang yang sesuai adalah 101, di mana data yang dikeluarkan adalah 011110. Nilai Length dalam desimal adalah 5, yang mana panjang yang sesuai bagi DataOut ini ialah 6 bit.

Berikut adalah bentuk modul ini :



Rajah 5.6 : Modul huff

Jadual berikut menunjukkan jadual Huffman yang digunakan dalam program VHDL.

Nilai desimal	DataIn	DataOut
31	00011111	011110
30	00011110	011111
26	00011010	100110
29	00011101	100111
27	00011011	101000
23	00010111	101001
21	00010101	101010
28	00011100	101011
25	00011001	110000
20	00010100	110001
24	00011000	110100
19	00010011	110101
15	00001111	110110
22	00010110	110111
18	00010010	00000
17	00010001	00001
14	00001110	00110
13	00001101	00111
16	00010000	01000
11	00001011	01001
12	00001100	01100
10	00001010	01101
7	00000111	01110
9	00001001	10000
8	00001000	10001
6	00000110	10010
5	00000101	11001
4	00000100	0001
3	00000011	0010
2	00000010	0101
1	00000001	1011
0	00000000	111

Jadual 5.1 : Jadual kod Huffman

Berikut pula merupakan simulasi yang terhasil daripada gabungan keempat-empat modul yang membentuk modul pemampatan Huffman.



Rajah 5.7 : Simulasi pemampatan Huffman

Penerangan simulasi (pengujian) :

Jadual berikut merupakan nilai-nilai data yang digunakan sebagai contoh :

Data	Nilai (binari)	Nilai mampatan	Length
4	00000100	0001	011
19	00010011	110101	101
27	00011011	101000	101
12	00001100	01100	100
23	00010111	101001	101

Jadual 5.2 : Jadual nilai data

Diperhatikan dari simulasi bahawa apabila nilai 4 dimasukkan, maka hasil output adalah 0001 0001. Hasil ini sepatutnya memaparkan 0000 0001 sahaja. Walau bagaimanapun, hasil mampatan bagi 4 tetap dipaparkan iaitu 0001. Di sini, Wen (write enable) akan mula menulis ke memori untuk nilai output yang terhasil. Selepas itu, proses "shift" berlaku.

